

135

NO. SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI**

[KUALA NERUS]

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

**Ustaz Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan perkembangan
projek perumahan untuk generasi kedua Tanah Rancangan FELDA
Belara dan nyatakan jumlah individu yang mendapat manfaat daripada
projek tersebut.**

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 356 bertarikh 20 Mac 2017 telah bersetuju dengan Dasar Pemberilikan Tanah Kosong Dalam Pegangan Bandar (*Urban Area*), Seksyen 6, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 kepada Generasi Baharu FELDA. Melalui Dasar ini, satu Memorandum Persefahaman (MoU) di antara FELDA dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi pelaksanaan Projek Rumah Mesra Rakyat FELDA (RMR-FELDA) telah diadakan pada 13 April 2017.

FELDA akan menyediakan tapak serta infrastruktur asas manakala SPNB pula akan membina rumah RMR-FELDA. Perancangan bagi FELDA Belara adalah pembinaan sebanyak 65 unit rumah. FELDA sedang dalam proses untuk melantik Juruukur tanah dan Jururancang untuk menyediakan dokumen serta membuat permohonan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian. Terima kasih.